

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang apakah perancangan pihak Kementerian dalam memperbaiki infrastruktur yang telah rosak akibat kejadian banjir teruk yang telah menimpa Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dalam usaha ini.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperbaiki infrastruktur yang telah rosak akibat kejadian banjir lalu, Kerajaan menyediakan RM800 juta sebagai peruntukan awalan untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan. Kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula ini telah mula dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang berkaitan bagi membolehkan rakyat menjalankan semula aktiviti.

Kerajaan juga secara berterusan akan menyediakan peruntukan bagi pembangunan melalui Unit Perancang Ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Bagi tahun ini sahaja, sejumlah 893 juta Ringgit telah disediakan di bawah Bajet 2015 untuk pembinaan projek rancangan tebatan banjir di seluruh negara bagi mengurangkan impak banjir terutama sekali di kawasan-kawasan berisiko tinggi.

Sekian. Terima kasih.